

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MELAYU

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 17 DISEMBER 2025, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 34

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1543-L15108
Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan status terkini pelaksanaan program pemulihan kebun getah terbiar di Sarawak, dan sejauh manakah pekebun kecil di Sarawak telah menerima manfaat sejak program berkenaan dilaksanakan.
2. PN-1543-L15246
Senator Datuk Rosni binti Sohar minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bagaimanakah Kementerian menjamin keselamatan daging, ikan, sayur-sayuran dan buah-buahan di pasar-pasar awam di seluruh negara, memandangkan wujudnya dakwaan risiko bakteria, logam berat, dan penggunaan bahan kimia berbahaya.
3. PN-1543-L14810
Senator Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan nilai keseluruhan subsidi minyak diesel yang diperuntukkan kepada nelayan Sabah bagi tahun 2026.
4. PN-1543-L14964
Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan sama ada mekanisme pemantauan dan keberkesanan projek pembangunan luar bandar yang dilaksanakan telah mencapai objektif keberkesanan yang telah ditetapkan, serta nyatakan langkah pemulihan dan penambahbaikan untuk memastikan projek-projek yang menghadapi kegagalan atau masalah dalam pelaksanaannya dapat disiapkan demi kesejahteraan rakyat di luar bandar.

5. PN-1543-L15518
Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian menyediakan pelan tindakan khas kesihatan Orang Asli dalam Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13).
6. PN-1543-L14703
Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan tahap mekanisasi dan inovasi teknologi dalam sektor perladangan makanan Malaysia, khususnya dalam kalangan petani skala kecil dan sederhana.
7. PN-1543-L14750
Senator Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohammad Redzuan bin Othman minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi memastikan laluan motosikal di jalan-jalan utama di Lembah Klang selamat digunakan dan diselenggara dengan baik.
8. PN-1543-L15479
Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah inisiatif jangka panjang Kementerian dalam mendidik serta membentuk budaya pematuhan undang-undang dalam kalangan pengusaha kenderaan berat bagi mengurangkan risiko kemalangan dan kerosakan infrastruktur jalan raya.
9. PN-1543-L14989
Senator Datuk Edward Linggu Bukut minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah konkrit Kementerian bagi menarik dan mengekalkan lebih ramai doktor dan jururawat untuk berkhidmat di Sabah, termasuk melalui insentif khas luar bandar, skim perumahan, dan laluan kenaikan pangkat lebih pantas demi menutup jurang perkhidmatan kesihatan antara Sabah dan Semenanjung.
10. PN-1543-L15393
Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan bagaimana dasar makanan negara akan diperkuat untuk menghadapi gangguan global seperti perubahan iklim dan gangguan rantai bekalan, supaya Malaysia bukan hanya pengimport tetapi pengeluar makanan yang stabil dan mampan.

11. PN-1543-L14879
Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat membangunkan kawasan Terusan Wan Mat Saman di Kedah sebagai destinasi pelancongan utama sempena Tahun Melawat Malaysia 2026.
12. PN-1543-L15287
Senator Datuk Nelson W Angang minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Skim Kemalangan Bukan Bencana Kerja atau Lindung 24/7 yang dibentangkan Kementerian baru-baru ini turut merangkumi bantuan kepada pekerja wanita yang lebih terdedah kepada penyakit autoimun, serta langkah-langkah lain bagi memperkasa perlindungan kesihatan pekerja swasta.
13. PN-1543-L14743
Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk memperkenalkan garis panduan khusus, insentif kewangan, atau peraturan baharu seperti undang-undang *right-to-charge* untuk memudahkan penyediaan stesen pengecas EV di bangunan strata sedia ada.
14. PN-1543-L15420
Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil bagi meningkatkan kecekapan pelabuhan dan kesalinghubungan logistik, khususnya di Pelabuhan Klang, Pelabuhan Pulau Pinang, dan Pelabuhan Johor, bagi menyokong daya saing eksport Malaysia.
15. PN-1543-L14835
Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah pendekatan baharu Kerajaan dalam mengurangkan ketidakseimbangan antara gaji median dengan kos sara hidup sebenar di kawasan metropolitan utama.
16. PN-1543-L15152
Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah untuk menambah doktor pakar dan peralatan moden di hospital daerah luar bandar Sarawak serta berapakah jumlah doktor-doktor pakar yang bertugas di hospital-hospital daerah di Sarawak sekarang dan adakah jumlah sedia ada ini mencukupi.

17. PN-1543-L15203

Senator Puan Norhasmimi binti Abdul Ghani minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi menaik taraf serta membina jeti baharu untuk nelayan darat di negeri Pahang, khususnya dikawasan yang mempunyai aktiviti penangkapan ikan aktif, bagi memastikan keselamatan, kemudahan pendaratan dan pengurusan hasil laut lebih teratur.

18. PN-1543-L15031

Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-

- (a) jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan bagi pelaksanaan Dasar Gaji Progresif setakat November 2025 serta bilangan syarikat yang telah menyertai dan melaksanakan dasar ini di peringkat industri; dan
- (b) jumlah pekerja yang telah mengikuti program latihan peningkatan kemahiran atau menerima manfaat di bawah pelaksanaan dasar tersebut.

19. PN-1543-L15403

Senator Dato' Wu Him Ven minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan :-

- (a) kadar pematuhan syarikat pembalakan terhadap syarat penanaman semula di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 serta berapa banyak tindakan yang diambil terhadap syarikat yang gagal melaksanakan reforestasi selepas aktiviti pembalakan; dan
- (b) nyatakan negeri manakah yang mempunyai kadar pematuhan penanaman semula paling rendah.

20. PN-1543-L14896

Senator Datuk Anna Bell @ Suzieana binti Perian minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memperkukuh dan memperluas fungsi Majlis Ekonomi Bumiputera Sabah(MEBS) sebagai mekanisme khusus bagi pemerksaan sosioekonomi pribumi di negeri Sabah termasuk perancangan untuk menyediakan dana khas atau geran padanan Persekutuan-Negeri bagi membiayai projek ekonomi akar umbi, koperasi komuniti serta usahawan mikro luar bandar.

21. PN-1543-L15390

Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah visi mobiliti nasional untuk memerangi kesesakan bandar dan meningkatkan jaringan pengangkutan luar bandar, serta bagaimana perancangan ini akan disepadukan dengan dasar perumahan, kerja jarak jauh dan pembangunan luar bandar.

22. PN-1543-L15322

Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan langkah merancang 'pelan induk pembentukan warganegara usahawan' dalam kalangan rakyat, khususnya mereka yang tidak bekerja dalam sektor awam atau swasta, bagi menyeimbangkan tenaga kerja yang 'makan gaji' dengan tenaga kerja mandiri, termasuk pekerja GIG, selaras dengan hasrat agar rakyat tidak bergantung semata-mata kepada pekerjaan bermajikan.

23. PN-1543-L15283

Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan langkah dan strategi Kerajaan dalam meningkatkan produktiviti industri getah termasuk sektor pembuatan bagi memastikan pendapatan penoreh serta pemain industri dapat dipertingkatkan.

24. PN-1543-L15512

Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan sejauh manakah Kerajaan memperkukuhkan jaringan kerjasama antara NGO dan pihak Kementerian melalui agensi yang berkaitan dalam program komuniti Orang Asli.

25. PN-1543-L15004

Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan berapakah peratusan kemajuan pelaksanaan pemasangan sistem solar di bangunan-bangunan Kerajaan, dan jumlah kos yang telah berjaya dijimatkan melalui inisiatif ini.

26. PN-1543-L15070

Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan rangka perlindungan sosial bagi pekerja sektor gig termasuk keselamatan sosial, insurans kesihatan dan piawaian kontrak serta penguatkuasaan terhadap platform digital pada tahun 2026.

27. PN-1543-L15161
Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan rancangan menambah penerbangan ke kawasan pedalaman Sarawak seperti Bario dan Bakelalan, serta bagaimanakah langkah Kerajaan mengurangkan situasi penumpang selalu gagal menggunakan perkhidmatan tersebut akibat kekurangan tempat duduk dan kurang penerbangan.
28. PN-1543-L14715
Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah bajet yang diperuntukkan untuk Sarawak, khususnya Daerah Saratok dan Kabong, bagi PPR, Program RMR, Kediaman SPNB dan Program Perumahan PR1MA di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada tahun 2026.
29. PN-1543-L15414
Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan tahap penyertaan majikan dalam Dasar Gaji Progresif dan sama ada ia telah mencapai jangkaan; jika tidak, apakah sebabnya dan bagaimana ia dapat dipertingkatkan.
30. PN-1543-L15207
Senator Tuan Che Alias bin Hamid minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan tindakan konkrit serta pelan rundingan semasa yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan bagi memastikan terma dan harga penjualan air mentah kepada Singapura disemak semula agar lebih adil dan setimpal dengan nilai pasaran semasa sekali gus menjamin kedaulatan negara.
31. PN-1543-L15254
Senator Datuk Rosni binti Sohar minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan sejauh manakah Kementerian menilai keberkesanan skim pinjaman mikro khusus untuk wanita, memandangkan majoriti penerima kekal terperangkap dalam kitaran perniagaan mikro dan tidak berkembang menjadi perusahaan kecil atau sederhana.
32. PN-1543-L15432
Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan sejauh mana jaminan Kerajaan bahawa Perjanjian Timbal Balas Perdagangan (ART) yang ditandatangani antara Malaysia dengan Amerika Syarikat khususnya Klausula 2.3 (b) berkaitan sektor pertanian tidak akan menjejaskan kedaulatan makanan negara.

33. PN-1543-L15366

Senator Dato' Wu Him Ven minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk membolehkan koperasi menyertai pembangunan ladang solar berskala besar (*Large-Scale Solar, LSS*) dan program solar komuniti di bawah SEDA, termasuk melalui skim pembiayaan khas atau keutamaan penyertaan tempatan.

34. PN-1543-L15186

Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah peratusan terkini daerah yang telah mencapai liputan 95 peratus selepas tamatnya kempen *Measles-Rubella Supplementary Immunisation Activity (MR SIA)* pada 12 Oktober 2025, berbanding 62 peratus yang dilaporkan pada 2024. Adakah kempen ini disifatkan berjaya mencapai objektifnya untuk membina imuniti kelompok nasional.

35. PN-1543-L15013

Senator Puan Susan Chemerai Anding minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah langkah-langkah konkrit yang diambil untuk memastikan bahawa komuniti-komuniti pengamal budaya tidak ketara bukan sekadar menjadi pemain atau penghibur kepada pelancong sahaja, tetapi juga menjadi pembuat keputusan utama kepada bagaimana warisan mereka dipersembahkan, dikomersialkan dan diturunkan kepada generasi seterusnya.

36. PN-1543-L14893

Senator Datuk Anna Bell @ Suzieana binti Perian minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah inisiatif yang dijalankan pihak Kerajaan dalam menyediakan platform, bantuan memulakan perniagaan serta latihan kepada golongan mahasiswa di universiti agar golongan ini dapat menambah pendapatan sekaligus memberi pendedahan awal sebelum bergiat aktif dalam perniagaan setelah selesai pengajian di universiti.

37. PN-1543-L14836

Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan keberkesanan pelaksanaan Dasar Gaji Progresif, khususnya dalam sektor tidak formal dan perusahaan mikro.

38. PN-1543-L15156

Senator Tuan Shahrol Wizan bin Sulong minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk meningkatkan kemudahan asas termasuk jalan berturap, elektrik dan air bersih dari Kampung Orang Asli Ganoh ke Kampung Orang Asli Kemomoi sepanjang 25 km dalam DUN Ibam, Rompin, Pahang.

39. PN-1543-L15321

Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan berapakah jumlah keluasan tanah yang digunakan bagi pembinaan dan pemasangan talian pembekalan elektrik oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) serta jumlah pampasan terkini yang dibayar kepada pemilik tanah apabila melibatkan penggunaan tanah persendirian.

40. PN-1543-L14942

Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah tindakan terkini Kementerian dalam mengawal kenaikan harga ubat dan memastikan bekalan ubat sentiasa mencukupi di hospital Kerajaan.

41. PN-1543-L15319

Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah ketetapan atau resolusi yang telah diambil oleh negara semasa memegang peranan kepengerusian ASEAN pada tahun 2025, dalam konteks penjanaaan peluang ekonomi di negara-negara ASEAN lain untuk memperkukuh ekonomi negara, khususnya bagi menyokong pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-13.

42. PN-1543-L15126

Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan apakah dasar dan polisi Kerajaan Persekutuan mengenai Private Financial Initiative (PFI) untuk meningkatkan prestasi loji-loji rawatan air dan berapa lamakah tempoh kontrak yang boleh dimeterai bagi kontrak-kontrak PFI ini.

43. PN-1543-L15188

Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) sejak Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2024) dikuatkuasakan, berapakah pakar perubatan mengikut bidang masing-masing yang sebelum ini tidak dapat diwartakan dan kini telah diwartakan; dan

(b) adakah jawatan Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Perubatan Malaysia telah diisi secara rasmi.

44. PN-1543-L14944

Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah yang efektif dalam memastikan kenaikan harga rumah baru di kawasan bandar terkawal dan mampu dimiliki oleh setiap lapisan masyarakat.

45. PN-1543-L14745

Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tindakan Kementerian dalam menilai cadangan mewujudkan semula perkhidmatan Feri Malaysia yang menghubungkan Semenanjung dengan Sarawak, termasuk keperluan kajian kebolehlaksanaan, modal swasta dan sokongan infrastruktur pelabuhan sebagaimana yang telah dibangkitkan oleh KDYMM Sultan Pahang dalam lawatan diraja ke Sarawak baru-baru ini.

46. PN-1543-L15217

Senator Tuan Che Alias bin Hamid minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk menggubal rangka kerja perkongsian manfaat atau perjanjian kerjasama Persekutuan-Negeri bagi menyelaraskan pelesenan dan hasil kredit karbon, serta memastikan komuniti Orang Asli dan Orang Asal tidak dipinggirkan dalam projek karbon.

47. PN-1543-L15364

Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan adakah benar dakwaan bahawa rundingan Perjanjian Timbal Balas (ART) telah dijalankan secara tergesa-gesa dan di bawah tekanan pihak Amerika Syarikat sempena lawatan Presiden Trump ke Kuala Lumpur bagi Sidang Kemuncak ASEAN.

48. PN-1543-L15395

Senator Tuan Shahrol Wizan bin Sulong minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan perancangan Kerajaan untuk memperbanyakkan penganjuran Karnival Kebudayaan, Makanan dan Kesenian Orang Asli di peringkat kebangsaan serta usaha menyediakan geran penyelidikan (R&D) bagi mendokumentasikan budaya dan warisan setiap suku kaum sebagai rujukan generasi akan datang.

49. PN-1543-L14910
Senator Puan Tiew Way Keng minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah usaha untuk membanteras persaingan harga daripada pembekal negara asing yang menjejaskan pembekal tempatan.
50. PN-1543-L14802
Senator Datuk Bobby Bin Suan minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan pelaksanaan Program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) di Sabah khususnya dalam bidang pertanian.
51. PN-1543-L14880
Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk meningkatkan pengeluaran komoditi seperti getah, nenas, lada dan jagung di negeri Kedah sebagai alternatif tanaman yang berpotensi menjana pendapatan tetap kepada para petani.
52. PN-1543-L15130
Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan sejauh manakah keberkesanan program bimbingan usahawan desa yang dilaksanakan di negeri Perlis dalam menjana pendapatan isi rumah.
53. PN-1543-L15475
Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan bagaimana Perjanjian Perdagangan Timbal Balas (ART) dengan Amerika Syarikat dapat memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai destinasi pelaburan dan eksport utama di Asia Tenggara.
54. PN-1543-L15461
Senator Tuan Isaiah a/l D Jacob minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilangan gerai-gerai penjaja OKU yang berdaftar di bawah pengurusan pihak berkuasa tempatan (PBT) seluruh negara, serta apakah langkah Kementerian untuk menaik taraf dan menambah kemudahan mesra OKU di tapak-tapak penjaja sedia ada termasuk di bawah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

55. PN-1543-L15017

Senator Puan Susan Chemerai Anding minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan peningkatan pelancong disebabkan Tahun Melawat Malaysia 2026, apakah kajian spesifik yang telah dilaksanakan berkenaan dengan *carrying capacity* tapak warisan UNESCO dan tapak warisan negara yang sensitif, serta adakah diwujudkan protokol pemuliharaan dan dana kecemasan untuk melindungi tapak tersebut daripada kemerosotan fizikal.

56. PN-1543-L15356

Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah benar dakwaan sesetengah pihak bahawa Perjanjian Perdagangan Timbal Balas (ART) antara Malaysia dan Amerika Syarikat yang ditandatangani akan merugikan negara dan ianya tidak timbal balas secara saksama.

57. PN-1543-L15327

Senator Datuk Dr. Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan strategi dan perancangan Kerajaan bagi memastikan usahawan tempatan dapat menikmati faedah perjanjian ART Oktober 2025, serta sejauh mana Kerajaan melakukan mitigasi bagi memastikan usahawan yang terkesan dengan tarif 19% ditangani dengan baik.

58. PN-1543-L14921

Senator Puan Tiew Way Keng minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan strategi memperluas solar atas bumbung di Selangor.

59. PN-1543-L15016

Senator Puan Susan Chemerai Anding minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah garis panduan atau kerangka etika yang telah dibangunkan untuk operator pelancongan dan pengurus acara bagi menghindari dari *over-commercialization*, *decontextualization* atau salah representasi berkaitan amalan budaya yang sensitif seperti upacara orang asal atau persembahan yang mengandungi elemen suci.

60. PN-1543-L14979

Senator Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan bagaimana penstrukturan semula subsidi elektrik yang dilaksanakan supaya tidak membebankan pengguna isi rumah berpendapatan rendah.

61. PN-1543-L15087
Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan persediaan bagi menghadapi kejadian gempa bumi terutamanya bagi kawasan yang tidak pernah mengalaminya, dan adakah gempa bumi jarak jauh seperti yang berlaku di Myanmar, Indonesia dan Filipina boleh memberi kesan kepada Malaysia.
62. PN-1543-L15061
Senator Tuan Robert Lau Hui Yew minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan rancangan Kerajaan berhubung ujian memandu kereta manual, memandangkan Proton telah menghentikan pengeluaran kereta manual dan Perodua akan berbuat demikian menjelang 2026, menyebabkan tiada lagi kereta manual keluaran tempatan untuk ujian memandu kecuali diimport dari luar negara.
63. PN-1543-L14718
Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan berapakah bajet yang diperuntukkan untuk Sarawak, khususnya Daerah Saratok dan Kabong di bawah Kementerian Pertanian pada tahun 2026.
64. PN-1543-L14821
Senator Dato' Ng Keng Heng minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan :-
- (a) adakah Kerajaan Malaysia bakal ditekan untuk mengenakan fi tambahan ke atas kapal-kapal berkaitan Amerika Syarikat ataupun China yang berlabuh di pelabuhan kita lantaran Perjanjian Perdagangan Timbal Balas (ART); dan
 - (b) apakah mekanisme yang dilaksanakan oleh Kerajaan untuk mengelakkan peningkatan perseteruan dua hala.
65. PN-1543-L14747
Senator Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohammad Redzuan bin Othman minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan usaha-usaha yang dilakukan oleh Kerajaan bagi menggalakkan kegiatan Pertanian Bandar (urban farming) bagi warga kota dalam usaha meningkatkan pengeluaran makanan segar dengan harga yang kompetitif, mengurangkan pelepasan karbon dan usaha ke arah bandar mampan.

66. PN-1543-L15028

Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan sejauh mana perancangan dan usaha Kerajaan bagi melahirkan usahawan belia tempatan yang menggunakan teknologi terkini di dalam sektor perladangan komoditi seperti sawit, getah dan koko, selaras dengan Dasar Agrikomoditi Negara 2021-2030 (DAKN 2030).

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R.37/2025) Rang Undang-undang Profesion Undang-Undang (Pindaan) (No.2) 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**
[Jabatan Perdana Menteri]

2. (D.R.36/2025) Rang Undang-undang Rukun Tetangga (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**
[Menteri Perpaduan Negara]

3. (D.R.42/2025) Rang Undang-undang Imigresen (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**
[Menteri Dalam Negeri]

4. (D.R.43/2025) Rang Undang-undang Pasport (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**
[Menteri Dalam Negeri]

5. (D.R.40/2025) Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**
[Menteri Komunikasi]

- | | | |
|------------------|---|-------------------------------|
| 6. (D.R.32/2025) | Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2025 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | [Menteri Sumber Manusia] | |
| 7. (D.R.39/2025) | Rang Undang-undang Langkah-Langkah bagi Pemungutan, Pentadbiran dan Penguatkuasaan Cukai 2025 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | [Menteri Kewangan] | |